

15/02/2001

Asiaweek tiada kata-kata baik mengenai Malaysia

Hashim Makaruddin

APABILA saudara memohon untuk menemubual Perdana Menteri, beliau menolaknya kerana beliau tidak fikir saudara akan berlaku adil dan mahu merendah-rendahkan beliau dan Malaysia.

Dengan rasa berat hati, beliau membenarkan dirinya dipujuk. Kini kita tahu beliau sebenarnya betul. Laporan saudara mengenai dirinya dan Malaysia hanya boleh ditakrifkan sebagai berniat jahat walaupun beliau melayan saudara dengan penuh adab. Malah beliau bersedia melapangkan diri memenuhi permintaan saudara untuk turun dan bergambar di depan pejabatnya.

Saudara memang sudah ada niat untuk memperkecil-kecilkan Perdana Menteri sehingga tidak peduli untuk memeriksa fakta. Shahrir (Datuk Shahrir Abdul Samad) tidak memarahi presiden parti ketika mesyuarat Majlis Tertinggi Umno. Beliau hanya membuat kenyataan kepada akhbar beberapa hari sebelum itu. Dalam mesyuarat majlis, beliau dikritik oleh Dr Mahathir kerana tidak mengemukakan pandangan kepada majlis (MT) di mana beliau tidak disekat malah sepatutnya bersuara sebagai ahli. Beliau ketika itu tidak berkata sepatah pun untuk membela diri.

Apa pun, kekalahan pilihan raya kecil Lunas di kawasan yang pengundi majoritinya Melayu, Barisan Nasional (BN) menampilkan calon keturunan India. Kerusi ini sememangnya sentiasa ditandingi DAP dengan calon bukan Melayu. Tetapi kali ini, Keadilan mendesak calon Melayunya diberikan tempat. DAP dan secara khususnya, ahlinya yang berketurunan India, marah dan menarik diri daripada berkempen. Namun, selepas itu, mereka kembali dan menyokong calon Keadilan kerana kebencian mereka kepada BN mengatasi kepentingan kaum mereka sendiri.

Undi Melayu pula berpecah di antara kesetiaan kepada BN dan kehendak mereka kepada calon Melayu bagi mewakili mereka kerana selama ini kerusi itu diwakili calon BN bukan Melayu. Dalam hal ini, Keadilan sebenarnya yang bersifat perkauman. Malah, mereka mendakwa wakil BN sebelum ini yang menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri ialah penganut Kristian yang memurtadkan orang Islam. Oleh kerana calon BN juga Kristian, mereka menggunakan isu itu dengan menyebarkan gambar Pope yang kepalanya disuperimpose gambar calon BN. Kumpulan seperti Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina dan Suqiu secara terbuka berkempen untuk pembangkang dengan mendakwa kerajaan akan menutup sekolah Cina. Mereka sebenarnya bermain sentimen perkauman, bukan BN. Hasilnya, cantuman fakta Melayu yang tidak berpuas hati, perkauman pembangkang dan fahaman agama yang sempit menyebabkan calon Melayu Keadilan memenangi kerusi itu.

Dalam pilihan raya kecil sebelum itu, pengundi Melayu di kawasan itu mengatasi pengundi India dan secara tradisi kawasan itu ditandingi calon keturunan India, pembangkang meletakkan calon Melayu yang mewakili Keadilan. Kaum India yang mewakili BN menang dengan majoriti berkurangan. Sebelum ini, di sebuah kawasan Melayu di Pahang, calon Umno menang dengan majoriti besar berbanding pada pilihan raya umum 1999. Semua ini adalah fakta yang memberikan gambaran sebenar mengenai keadaan politik di Malaysia tetapi saudara sememangnya tidak menghiraukan fakta ini. Saudara sudah membuat kesimpulan bahawa Perdana Menteri sudah kehilangan sokongan dan laporan dangkal saudara adalah untuk memberikan gambaran itu.

Malah, pada pilihan raya umum 1999, saudara meramalkan BN akan kalah dan tidak akan mendapat majoriti dua pertiga. BN menang dengan majoriti tiga perempat. Analisis saudara penuh dengan percanggahan. Saudara mendakwa Perdana Menteri masih menggunakan sentimen perkauman dan agama, sedangkan

pemilih lebih cenderung kepada isu kronisme dan rasuah. Namun, saudara berkata: "Selepas 20 tahun pentadbiran Mahathir, negara ini kelihatan kekal berpecah atas isu perkauman ...

Saudara meneruskannya dengan berkata: "Isu kaum memenuhi muka depan akhbar-akhbar sekarang ...

Saudara perlu membuat keputusan sama ada 'perkauman' masih menjadi isu di Malaysia. Keadilan meletakkan calon Melayu dalam dua kawasan pilihan raya bagi mendapat sokongan dengan menggunakan sentimen Melayu. BN meletakkan dua calon India menentang calon Melayu Keadilan walaupun di kedua-dua kawasan itu bilangan kaum India adalah kecil. Siapa yang bermain isu perkauman?

Kempen perkauman Keadilan dibantu seperti biasa oleh propaganda Pas yang menggunakan agama bahawa sesiapa yang mengundi bukan Islam adalah murtad dan akan dihumban ke neraka. Kenyataan saudara mengenai 'akhbar yang sentiasa taat melolong bagi mendapatkan sokongan' nyata menunjukkan penghinaan saudara kepada akhbar vernakular. Sebenarnya, lebih ramai rakyat Malaysia membaca akhbar Melayu, Cina dan Tamil daripada yang berbahasa Inggeris. Jika saudara membaca akhbar utama berbahasa Cina, Nanyang Siang Pau dan China Press, akhbar Cina terbesar, saudara akan mendapati mereka menyokong DAP, guru sekolah Cina dan orang Suqiu berbanding kerajaan. Akhbar Pas dan DAP secara terang-terangan dijual walaupun ia tidak sepatutnya diedar di kalangan bukan ahli. Sebilangan kecil akhbar menyokong kerajaan tetapi saudara tidak boleh menyimpulkan dan berkata: 'Akhbar yang sentiasa taat melolong untuk mendapatkan sokongan'.

Secara kebetulan, Asian Wall Street Journal dan The Herald Tribune dicetak di Malaysia dan diedarkan secara bebas di Malaysia. Walaupun mereka mengamalkan sikap suka mengkritik sebagaimana yang saudara lakukan, mereka tidak pernah ditapis atau diharamkan. Walaupun Perdana Menteri menjelaskan kepada saudara bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) memberi faedah kepada berjuta orang Melayu dan masyarakat Bumiputera yang lain, saudara tetap bertegas bahawa mana-mana anak Melayu yang berjaya dalam perniagaan adalah kroni kepada pemimpin kerajaan. Ini memperlihatkan seolah-olah masyarakat Bumiputera tidak boleh menyertai perniagaan besar jika kerajaan mahu mengelak daripada dituduh mengamalkan kronisme. Ia juga memberi makna DEB harus dihadkan bagi memastikan keseimbangan kaum hanya di kalangan orang miskin dan membenarkan orang kaya kekal di kalangan orang Cina sahaja.

Jika kita membenarkan perkara ini berlaku, ketegangan kaum dan rusuhan sebagaimana berlaku pada 1969 akan menjadi perkara biasa di Malaysia. Ketika itu, saudara pasti gembira kerana tentunya banyak laporan jahat mengenai Malaysia, sebuah lagi negara Dunia Ketiga yang gagal. Saudara menyebut kerajaan membayar lebih dua kali ganda nilai pasaran bagi saham MAS. Mungkin saudara tidak tahu bahawa kebanyakan saham syarikat Malaysia adalah di bawah harga sebenar selepas penyangak mata wang menyerang negara ini. Mungkin saudara tidak tahu bahawa premium mesti dibayar untuk mendapat secukupnya saham bagi menguasai syarikat. Mungkin saudara tidak menyedari bahawa MAS masih mempunyai aset ketara yang banyak. Mungkin saudara tidak tahu bahawa pada harga pasaran, tiada yang mahu melepaskan penguasaannya ke atas syarikat.

Mengenai langkah menyelamatkan, Perdana Menteri sudah menjelaskan bahawa setiap negara ada membantu menyelamatkan syarikat gagal. Perbadanan Automobil Amerika dan LTCM tidak lama lagi akan mendapat tambahan US\$10 bilion (RM38 bilion) sebagai hadiah untuk syarikat tenaga di California. Nampaknya, saudara berpendapat kerajaan perlu mengambil alih syarikat tanpa perlu memberikan pampasan.

Saudara menulis: "Anwar yang dipecat, dipukul dalam penjara dan

dipenjara ..." menggambarkan dia secara sengaja dipukul dalam penjara, sedangkan saudara tahu dia dipukul oleh bekas Ketua Polis Negara kerana provokasi. Saudara tahu Ketua Polis Negara sudah dibicara dan dikenakan hukuman. Tetapi ia menjadi peluang yang baik untuk saudara mencemarkan amalan polis termasuk ia adalah atas arahan Perdana Menteri.

Saudara menyebut bahawa Perdana Menteri terperosok di kerusinya dan kelihatan letih. Saya tidak nampak keadaan ini. Tetapi apa yang saya saksikan ialah beliau segar dan menjawab dengan panjang lebar soalan yang dikemukakan oleh saudara bertiga lebih daripada sejam. Beliau kemudian turun daripada pejabatnya di tingkat 5 dan bersedia melakukan pelbagai pose untuk jurugambar saudara. Ia tidak langsung menampakkan kelaziman apa yang seorang tua akan lakukan. Bagaimanapun, saya mesti mengucapkan tahniah mengenai pilihan gambar untuk muka depan. Tukang kempen pembangkang juga tidak berupaya melakukan lebih baik daripada itu.

Ketika Asiaweek dilancarkan sedekad lalu, wujud harapan bahawa akhirnya ada majalah Asia untuk melaporkan mengenai Asia. Tetapi Asiaweek gagal sebagai syarikat komersial dan diselamatkan oleh satu daripada gergasi media Amerika. Hari ini, saudara menjadi penyebar propaganda Barat.

Kami tidak terperanjat langsung saudara tidak pernah mempunyai perkataan yang baik mengenai negara Asia dan secara khususnya negara merdeka dan bersuara lantang seperti Malaysia. Rakyat Malaysia adalah masyarakat yang bebas dan mereka tidak akan membenarkan diri mereka dipesongkan oleh saudara atau sesiapa saja.

Saya cadangkan saudara cubalah membuat perkara yang benar sekali-sekala.